Saling bin Lau Bee Chiang dan lain-lain lwn Kanawagi a/l Seperumaniam dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — GUAMAN NO MT1–22–228 TAHUN 2009
KAMARDIN HASHIM H
3 FEBRUARI 2012

Undang-Undang Tanah — Tanah adat — Tuntutan — Perlantikan penerima dan pengurus interim Amanah Orang Asli — Permohnan untuk perintah pelepasan penerima dan pengurus — Sama ada penerima dan pengurus melakukan salah laku — Sama ada gagal menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna menurut kuasa-kuasa yang telah diberikan oleh mahkamah

Kes plaintif adalah bahawa seramai 52 orang asli Jakun telah memulakan prosiding terhadap Kerajaan Negeri Johor untuk mendapatkan pampasan kerana tanah mereka telah diambil untuk tujuan pembinaan empangan untuk pembekalan air ke Johor dan Singapura. Defendan pertama dan firmanya, defendan keempat, telah mewakili 52 orang asli tersebut. Mahkamah Tinggi telah memberikan penghakiman memihak kepada 52 orang asli tersebut dan rayuan oleh Kerajaan Negeri Johor ke Mahkamah Rayuan ditolak. Berikutan keputusan tersebut, suatu surat ikatan amanah berhubung dengan wang pampasan sebanyak RM22,000,000 telah disediakan oleh defendan pertama melalui defendan keempat dan ianya telah disetemkan. Antara terma-terma di dalam surat ikatan amanah tersebut adalah bahawa tabung amanah yang dikenali sebagai Linggiu Valley Orang Asli (Jakuns Trust) Fund diwujudkan di mana RM22,000,000 akan disimpan atas amanah bagi 52 orang asli dan terma-terma lain. Walau bagaimanapun defendan-defendan telah melakukan pelbagai pecah amanah terhadap wang pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Johor. Oleh demikian suatu tindakan dimulakan terhadap defendan pertama hingga ketiga dan juga Tok Batin Abdul Rahman bin Abdullah, antara lain, untuk defendan pertama hingga ketiga memberikan salinan penyata-penyata kewangan yang disahkan oleh akauntan bertauliah dan memperoleh penghakiman. Rayuan defendan-defendan ke Mahkamah Rayuan telah ditolak. Defendan pertama dan defendan keempat kemudian memfailkan saman dalam kamar, memohon, antara lain: (i) satu perintah bahawa Encik Ng Eng Kiat ('R & M') yang telah dilantik sebagai penerima dan pengurus interim Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley serta merta dilepaskan dan/atau diketepikan daripada selanjutnya menguruskan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley; dan (ii) bagi satu perintah bahawa Amanah Raya Berhad dilantik, tanpa memberi notis jaminan sebagai penerima dan pengurus Interim untuk mengurus aset-aset Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley. Plaintif-plaintif membantah permohonan tersebut dan

berhujah bahawa defendan pertama dan defendan keempat gagal menunjukkan R & M telah memungkiri tugasnya atau telah berkelakuan tidak betul. Sebaliknya dihujahkan bahawa defendan pertama dan defendan kedua sebagai pemegang amanah kepada Tabung Amanah bagi Orang Asli yang telah gagal untuk menguruskan tabung itu dengan sempurna dan telah melakukan pecah amanah.

Diputuskan, menolak permohonan defendan pertama dan defendan keempat dengan kos untuk ditaksir:

(1) Perlantikan R & M telah dibuat selepas pendengaran inter partes. Defendan-defendan telah menimbulkan sebahagian isu-isu yang sama dalam membantah permohonan perlantikan R & M dalam prosiding tersebut. Walau bagaimanapun, isu-isu tersebut telah ditolak oleh mahkamah dan rayuan defendan-defendan ke Mahkamah Rayuan turut ditolak (lihat perenggan 30).

(2) Dari Jadual 1 penghakiman pendengaran inter partes tersebut, adalah jelas bahawa R & M mempunyai kuasa-kuasa serta tanggungjawab bagi melaksanakan ke semua perkara yang perlu bagi pelangsaian Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley. R & M juga mempunyai kuasa untuk melantik orang-orang yang berkelayakan profesional termasuk peguam dan akauntan bagi membantu R & M melaksanakan tugas-tugasnya. R & M berupaya untuk memulakan, meneruskan, membela dan mengambil bahagian dalam apa juga prosiding termasuk memfailkan afidavit dan memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi (lihat perenggan 32).

(3) Mahkamah, di atas fakta, berpuas hati bahawa defendan pertama dan defendan keempat telah gagal untuk menunjukkan bahawa R & M yang dilantik oleh mahkamah telah melakukan salah laku dan gagal membuktikan R & M tidak berupaya untuk menjalankan tugas-tugas sebagai R & M. Sebaliknya mahkamah berpuas hati bahawa R & M telah melakukan tugas-tugasnya dengan sempurna menurut kuasa-kuasa yang telah diberikan oleh mahkamah (lihat perenggan 34).

[English summary

The plaintiff's case was that 52 natives of Jakun descend commenced proceedings against the Johor State Government to obtain compensation as their land had been acquired for the purposes of building of dam for water supply to Johore and Singapore. The first defendant and his firm, the fourth defendant, respresented the 52 natives. The High Court had given the judgment in favour of the 52 natives and the appeal by the Johore State Government to the Court of Appeal had been dismissed. Following the decision, a trust deed pertaining to the compensation amounting to RM22,000,000 had been prepared by the first defendant through the fourth

defendant and it had been stamped. Among the terms in the trust deed was that the trust fund known as Linggiu Valley Natives (Jakun Trust) Fund was created whereby RM22,000,000 would be held in trust for the 52 natives and other terms. However, the defendants had committed various breach of trust against the compensation monies paid by the Johore State Government. Therefore, a proceedings had been commenced against the first to third defendants as well as Tok Batin Abdul Rahman bin Abdullah, inter alia, for the first to third defendants deliver copies of the financial statements which was affirmed by an accredited accountant and obtained judgment. The defendants' appeal to the Court of Appeal was dismissed. The frist and fourth defendants subsequently filed a summons in chambers, seeking, inter alia: (i) an order that Mr Ng Eng Kiat ('R & M') who had been appointed as the interim receiver and manager of the Linggiu Valley Native (Jakun) Trust be immediately discharged and/or set aside from continuing to manage the Linggiu Valley Native (Jakun) Trust; and (ii) for an order that Amanah Raya Berhad be appointed, without giving notice of guarantee as interim receiver and manager to manage the Linggiu Valley Native (Jakun) Trust assets. The plaintiffs objected to the application and contended that the first and fourth defendants had failed to show that R & M had failed in his duty or acted inappropriately. Instead it was contended that the first and second defendants as the trustee of the Linggiu Valley Native (Jakun) Trust had failed to manage the fund appropriately and had committed breach of trust.

Held, dismissing the first and fourth defendants' application with costs to be taxed:

(1) The appointment of R & M had been made after an inter partes hearing. The defendants had raised the same issues, in part, in opposing the appointment of the R & M in that proceedings. However, the issues had been dismissed by the court and the appeal by the defendants to the Court of Appeal was also dismissed (see para 30).

(2) From the Schedule 1 of the judgment of the inter partes hearing, it was clear that the R & M had the powers and duties to implement all the necessary for the settlement of the Linggiu Valley Native (Jakun) Trust. The R & M also had the powers to appint persons with professional qualifications including lawyers and accountants to assist the R & M to carry out his duties. The R & M was able to commence, continue, defend and take part in any proceedings including filing of affidavits and filing of action in the High Court (see para 32).

(3) The court, on the facts, was satisfied that the first and fourt defendant had failed to show that R & M who had been appointed by the court, had committed misconduct and had failed to prove that the R & M was

unable to carry out his duty as R & M. Instead the court was satisfied that the R & M had carried out his duties perfectly according to the powers granted by the court (see para 34).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tuntutan, lihat 8(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 3105–3109.

Kes-kes yang dirujuk

Wong Sin Fan & Ors v Ng Peak Yam & Anor [2011] 9 CLJ 873, MR (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemegang Amanah 1949 s 60
Akta Syarikat 1965 s 182
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 30 k 6, A 92
Kaedah-Kaedah Profesion Undang-undang (Amalan dan Kesopanan) 1978 k 51

Ragumaren Gopal (G Ragumaren & Co) bagi pihak plaintif-plaintif.
Ravi G (Muhammed Azizi Mahat dan Mohd Isa bersamanya) (Muhammed Aziz Mahat & Co) bagi pihak defendan pertama.
Dinesh Kanawagi (defendan keempat) mewakili diri sendiri.
Renu Zachariah (Rosly Zachariah) bagi pihak R & M.

Kamardin Hashim H:

PERMOHONAN

[1] Melalui saman dalam kamar di lampiran 402 ('SDK tersebut'), defendan pertama dan defendan keempat memohon perintah-perintah berikut:

(a) bagi satu perintah bahawa Encik Ng Eng Kiat (KP No 531016–10–5919) (Lesen Penyelesai No 1064/10/09(J/PH)) (selepas ini dipanggil R & M) yang telah dilantik sebagai penerima dan pengurus interim Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley serta merta dilepaskan (*discharged*) dan/atau diketepikan (*set aside*) daripada selanjutnya menguruskan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley;

(b) bagi satu perintah bahawa Amanah Raya Bhd (344986-V) dilantik, tanpa memberi notis jaminan sebagai penerima dan pengurus interim untuk mengurus aset-aset Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley;

(c) bagi satu perintah bahawa Amanah Raya Bhd (344986-V) ditanggung rugi bagi semua fee, caj-caj, kos dan perbelanjaan, termasuk upahnya yang kena dibayar atau yang berbangkit atau yang ditanggung atau yang

terhutang akibat daripada Amanah Raya Bhd (344986-V) bertindak sebagai penerima dan pengurus interim daripada aset-aset Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley;

(d) bagi satu perintah bahawa Amanah Raya Bhd (344986-V) diberi kebebasan untuk memohon arahan-arahan mahkamah berhubung dengan apa-apa isu yang berbangkit daripada perlantikan mereka;

(e) bagi satu perintah bahawa kesemua dokumen-dokumen/akaun-akaun/semua perjanjian-perjanjian dan apa jua dokumen yang berkaitan dengan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley yang disita atau yang diberikan atau terdapat dalam kawalan dan jagaan Encik Ng Eng Kiat (KP No 531016–10–5919) (Lesen Penyelesai No 1064/10/09(JPH)) sebagai penerima dan pengurus interim Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley serta merta diserahkan kepada Amanah Raya Bhd;

(f) bagi satu perintah bahawa Encik Ng Eng Kiat (KP No 531016–10–5919) (Lesen Penyelesai No 1064/10/09(J/PH)) sebagai penerima dan pengurus interim Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley serta merta daripada tarikh perintah ini memberikan akaun-akaun bagi wang-wang yang diterima daripada tarikh perlantikannya sebagai penerima dan pengurus interim Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley sehingga tarikh perintah ini kepada mahkamah bagi mahkamah meluluskannya;

(g) bagi satu perintah bahawa kesemua wang yang dikeluarkan oleh Encik Ng Eng Kiat (KP No 531016–10–5919) atau oleh Folks Corporate Services Sdn Bhd sebagai bayaran fee professional serta merta dikembalikan kepada dana Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley bersama faedah pada kadar 8% setahun dari tarikh pengeluaran wang tersebut sehingga tarikh penyelesaian penuh;

(h) bagi satu perintah bahawa Encik Ng Eng Kiat (KP No 531016–10–5919) memohon kepada mahkamah untuk menaksirkan bayaran fee professional sebagai penerima dan pengurus interim untuk Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley di dalam tempoh 14 hari daripada tarikh perintah diberikan;

(i) kos permohonan ini dibayar oleh pihak plaintif-plaintif; dan

(j) perintah selanjutnya atau yang lain yang didapati perlu oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Alasan-alasan permohonan dinyatakan seperti berikut:

(a) pelantikan Encik Ng Eng Kiat sebagai penerima dan pengurus interim

adalah salah kerana Encik Ng Eng Kiat adalah ejen peguamcara pihak plaintif-plaintif dan tidak saksama dan hanya telah menjaga kepentingan peguamcara pihak plaintif-plaintif;

(b) pelantikan Encik Ng Eng Kiat adalah satu komplot di antara peguamcara plaintif-plaintif dan peguamcara penerima dan pengurus untuk mengambil alih Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley untuk kehendak sendiri;

(c) Encik Ng Eng Kiat telah membenarkan pihak ketiga untuk mengeluarkan wang yang tidak boleh dikeluarkan sebagai fee profesionalnya;

(d) Encik Ng Eng Kiat tidak memfailkan satu akaun yang telah diauditkan;

(e) Encik Ng Eng Kiat telah memasuki arena litigasi dengan memfailkan afidavit balasan dan tiga prosiding kommital dan beliau tidak dapat jadi saksama sebagai seorang penerima dan pengurus;

(f) Encik Ng Eng Kiat bersubahat dengan peguamcara plaintif dan plaintif-plaintif untuk membuat bayaran kepada seorang yang bukan benefisiari Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley; dan

(g) Encik Ng Eng Kiat telah mengambil tindakan untuk memberhentikan bayaran defendan-defendan kedua dan ketiga dan penyokong defendan sebagai hukuman dan bagi memaksa mereka untuk menyokong peguamcara plaintif-plaintif.

[3] Alasan-alasan yang terperinci bagi saman dalam kamar ini adalah seperti yang terkandung dalam afidavit sokongan diikrarkan oleh defendan pertama, Kanawagi a/l Seperumaniam yang diikrarkan pada 17 Disember 2010 dan difailkan di sini seperti di lampiran 402A.

[4] Defendan pertama dan defendan keempat telah memfailkan afidavit sokongan No 2 yang diikrarkan oleh defendan pertama pada 10 Oktober 2011 seperti di lampiran 436.

[5] Selain itu, defendan pertama dan defendan keempat turut memfailkan perakuan segera. Perakuan segera pertama kali difailkan pada 21 Januari 2011 di lampiran 401A dan perakuan segera yang kedua pada bulan Oktober 2011 seperti di lampiran 435. Kedua-dua perakuan segera tersebut memberikan alasan mengapa pendengaran dan pelupusan SDK yang mereka failkan harus disegerakan.

[6] Pihak plaintif-plaintif telah memfailkan afidavit jawapan plaintif-plaintif yang telah diikrarkan oleh plaintif pertama, Saling bin Lau Bee Chiang pada 29

November 2011 di lampiran 438 ('afidavit plaintif tersebut'). afidavit plantif tersebut membantah permohonan defendan pertama dan defendan keempat dalam SDK tersebut.

[7] Pihak penerima dan pengurus turut memfailkan dua afidavit berikut bagi membantah permohonan defendan pertama dan defendan keempat di sini:

(a) afidavit balasan oleh Ng Eng Kiat diikrarkan pada 22 November 2011 di lampiran 439; dan

(b) afidavit jawatan (2) oleh Ng Eng Kiat diikrarkan pada 22 Disember 2011 di lampiran 441.

[8] SDK tersebut telah dibicarakan pada 3 Februari 2012 dan setelah mendengar pihak-pihak, saya telah menolak permohonan defendan pertama dan defendan keempat dengan kos. Saya memerintahkan kos ditaksirkan dan dibayar dengan serta merta oleh defendan pertama dan defendan keempat kepada plaintif-plaintif.

[9] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, defendan pertama dan defendan keempat sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan yang diberikan oleh mahkamah ini.

RINGKASAN KES PLANTIF

[10] Seramai 52 orang asli Jakun telah memulakan presiding terhadap Kerajaan Negeri Johor untuk mendapatkan pampasan kerana tanah mereka telah diambil untuk tujuan pembinaan empangan untuk pembekalan air ke Johor dan Singapura. Defendan pertama dan firmanya defendan keempat telah mewakili 52 orang asli tersebut dalam kes Saman Pemula 24–828 Tahun 1994 menuntut pampasan daripada Kerajaan Negeri Johor. Mahkamah Tinggi telah memberikan penghakiman memihak kepada 52 orang asli tersebut pada 19 Disember 1995 dan mengarahkan jumlah RM26,500,000 dibayar sebagai pampasan. Kerajaan Negeri Johor telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

[11] Pada 19 November 1997, Mahkamah Rayuan menolak rayuan tersebut dengan kos RM40,000 dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi dan meremitkan kes ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru untuk memutuskan terma-terma dan cara-cara pembayaran pampasan kepada 52 orang asli tersebut.

[12] Melalui permohonan yang dibuat oleh defendan pertama, Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah pada 5 Jun 2000 memberi perintah seperti berikut:

(a) Kerajaan Negeri Johor membayar pampasan beserta faedah 8% dari 4 November 1994–5 Jun 2004 yang berjumlah RM38,554,111.92;

(b) jumlah sebanyak RM22,000,000 daripada pampasan tersebut dibayar ke dalam suatu akaun amanah dan suatu tabung amanah diwujudkan di bawah nama Linggiu Valley Orang Asli (Jakuns Trust) Fund;

(c) tabung amanah tersebut diwujudkan seperti mana surat ikatan amanah seperti yang diekshibitkan dalam permohonan yang dibuat kepada mahkamah;

(d) defendan pertama, defendan kedua dan Tok Batin Abdul Rahman bin Abdullah dilantik menjadi pemegang amanah dan akan melaksanakan surat ikatan amanah;

(e) bahawa Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia dilantik sebagai pemegang amanah tambahan buat sementara waktu;

(f) baki pampasan iaitu RM16,554,111.92 sepatutnya diserahkan kepada defendan keempat yang akan membahagikan jumlah tersebut kepada 52 orang asli tersebut selepas penolakan dan pembayaran *fee* guaman, kos fee konsultansi dan perbelanjaan yang ditanggung; dan

(g) pemegang amanah bebas untuk bertindak berhubung dengan menjalankan tabung amanah tersebut dan perlaksanaan tugas-tugas mereka di bawahnya.

[13] Pada 5 Jun 2000 suatu surat ikatan amanah berhubung dengan wang pampasan sebanyak RM22,000,000 telah disediakan oleh defendan pertama melalui firmanya defendan keempat dan ianya telah disetemkan. Antara lain, terma-terma di dalam surat ikatan amanah tersebut adalah seperti berikut:

(a) suatu tabung amanah diwujudkan yang dikenali sebagai Linggiu Valley Orang Asli (Jakuns Trust) Fund;

(b) RM22,000,000 akan disimpan atas amanah bagi 52 orang asli;

(c) pemegang amanah terdiri daripada:

(i) dua orang penghulu masyarakat yang tinggal di Kg Pasir Assa, Kg Sayung Pinang dan Kg Semanggar;

(ii) Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia jika bersedia menerima jawatan tersebut; dan

(iii) seorang bebas yang lain;

(d) jika kekosongan pemegang amanah wujud akibat kematian, ketidakupayaan, perletakan jawatan, dikeluarkan daripada jawatan, maka hendaklah digantikan oleh batin daripada salah satu masyarakat yang bukan pemegang amanah;

(e) RM900 sebulan dibayar oleh pemegang amanah kepada benefisiari-benefisiari daripada RM22,000,000;

(f) pemegang amanah akan menyediakan penyata kewangan daripada akauntan yang bertauliah; dan

(g) bahawa Mahkamah Tinggi Malaya boleh atas permohonan pemegang amanah atau benefisiari mengubah atau membatalkan mana-mana terma surat ikatan amanah tersebut.

[14] Wang pampasan tersebut telah dibayar oleh Kerajaan Negeri Johor kepada defendan keempat sebagai peguamcara untuk 52 orang asli tersebut.

[15] Namun, defendan-defendan telah melakukan pelbagai pecah amanah sehingga menjejaskan plaintif-plaintif. Butir-butir pecah amanah yang dikatakan telah dilakukan oleh defendan-defendan adalah seperti berikut:

Pecah Amanah oleh	**Butir-butir pecah amanah**
Defendan pertama dan defendan kedua.	– Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia tidak dilantik sebagai pemegang amanah
	– Tok Batin Abdul Rahman bin Abdullah telah meninggal dunia dan sehingga kini defendan pertama dan kedua gagal menggantikan dengan Tok Batin yang lain
	– Pada masa ini hanya ada dua pemegang amanah sedangkan surat ikatan amanah menyatakan perlu ada empat orang pemegang amanah.
Defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat.	– Walaupun atas permintaan plaintif-plaintif, defendan pertama dan defendan keempat enggan memberikan suatu perakaunan berhubung dengan wang pampasan RM22,000,000 dan tabung amanah tersebut.
	– Defendan pertama dan defendan keempat enggan memberikan penjelasan berhubung baki wang pampasan RM16,554,111.92 yang perlu diagihkan kepada 52 orang asli.
	– *Fee* guaman defendan pertama dan defendan keempat hanya RM500,000. Plaintif tidak mengetahui di mana baki RM16,000,000 tersebut berada.
	– Pada mulanya pemegang-pemegang amanah hanya membayar RM100 sebulan dan bukannya RM900 sebulan seperti yang dinyatakan di dalam surat ikatan amanah. Hanya selepas aduan dibuat kepada defendan pertama dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia sekitar Oktober 2011, pemegang-pemegang amanah telah membayar RM900 sebulan bermula Disember 2001.

– Pemegang-pemegang amanah membuat keputusan untuk berhenti membuat pembayaran bulanan sebanyak RM900 sebulan kepada plaintif pertama tanpa memberikan penjelasan yang munasabah

– Dalam satu rencana Malaysiakini bertarikh 9 Julai 2004, defendan pertama menyatakan telah mengagihkan RM3,600,000 kepada tok batin-tok batin dan RM10,200,000 telah ditahan sebagai *fee* guaman dan kos serta RM2,200,000 telah dibayar kepada seorang bernama Hamzah yang bukan merupakan benefisiari. Plaintif-plaintif tidak pernah memberi kuasa untuk mana-mana bayaran ini.

– Terdapat satu kes jenayah terhadap defendan pertama di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas kesalahan menggunakan dokumen yang telah dipalsukan iaitu surat kuasa wakil dan juga kerana membuat satu kenyataan palsu dalam afidavit dalam perkara yang tidak berkaitan dengan tuntutan plaintif di sini. Paspot antarabangsa defendan pertama telah dirampas oleh mahkamah dan beliau diikat jamin RM200,000.

– Defendan pertama membalas dendam dengan menakutkan plaintif pertama dengan saman fitnah berkenaan aduan plaintif pertama kepada Lembaga Tatatertib.

– Defendan pertama, kedua dan ketiga telah memulakan guaman pada 30 Jun 2005 untuk mengeluarkan plaintif pertama sebagai benefisiari tabung amanah tersebut. Guaman ini telah dibatalkan pada 27 Februari 2006.

– Defendan pertama telah memfailkan saman di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi terhadap plaintif pertama untuk fitnah dalam tindakan Saman No 52–170 Tahun 2007, 52–169 Tahun 2007 dan 52–171 Tahun 2007.

– Defendan kedua dan ketiga telah memfailkan saman di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi Saman No 52–60 Tahun 2006 dan 52–63 Tahun 2006.

[16] Plaintif pertama telah memfailkan suatu tindakan saman pemula pada 27 Januari 2006 terhadap defendan pertama hingga ketiga dan juga Tok Batin Abdul Rahman bin Abdullah, antara lain, untuk defendan pertama hingga ketiga memberikan salinan penyata-penyata kewangan yang disahkan oleh akauntan bertauliah. Pada 4 April 2006 suatu perintah interlokutori telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi yang memerlukan defendan-defendan dan Abdul Rahman bin Abdullah mengemukakan akaun-akaun tersebut. Defendan-defendan telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Pada 7 Mac 2007 Mahkamah Tinggi telah memberikan penghakiman kepada plaintif seperti yang dituntut dalam saman pemula. Defendan-defendan telah memfailkan

rayuan ke Mahkamah Rayuan. Pada 30 November 2011, Mahkamah Rayuan telah menolak kesemua rayuan defendan-defendan dengan kos.

BANTAHAN DEFENDAN KEEMPAT TERHADAP R & M

[17] Encik Dinesh Kanawagi mewakili diri beliau sendiri dan juga bertindak bagi pihak defendan keempat dalam perbicaraan permohonan di sini. Encik Dinesh Kanawagi adalah seorang peguambela dan peguamcara yang merupakan rakan kongsi dalam Tetuan Khana & Co, defendan keempat di sini.

[18] Sebelum memulakan hujahannya, Encik Dinesh Kanawagi telah menimbulkan bantahan terhadap Puan Renu Zachariah yang mewakili R & M daripada terlibat dalam prosiding ini. Encik Dinesh Kanawagi berhujah R & M adalah sebagai 'court officer' oleh itu tidak wajar terlibat dalam prosiding di hadapan mahkamah ini walaupun beliau tidak membantah R & M dan peguam yang mewakili R & M untuk hadir bagi mendengar prosiding. Puan Renu Zachariah sebaliknya membantah atas alasan bahawa afidavit-afidavit difailkan oleh defendan pertama dan defendan keempat mengandungi tohmahan terhadap R & M. Oleh itu R & M wajar diberi peluang untuk menjawab kepada tohmahan-tohmahan yang dilemparkan. Setelah mendengar hujahan daripada Encik Dinesh Kanawagi dan Encik G Ravi yang mewakili defendan pertama, saya membenarkan peguam R & M untuk menjawab alegasi-alegasi dan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh defendan pertama dan defendan keempat terhadap R & M.

HUJAHAN DEFENDAN KEEMPAT

[19] Defendan keempat berhujah bahawa mahkamah ini mempunyai kuasa untuk melepas dan menggantikan R & M di bawah A 30 k 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') serta di bawah kuasa sedia ada mahkamah seperti diperuntukkan di bawah A 92 KMT. Defendan keempat berhujah bagi melepaskan dan menggantikan R & M, prinsip-prinsip yang terpakai adalah seperti yang telah diputuskan dalam kes *Wong Sin Fan & Ors v Ng Peak Yam & Anor* [2011] 9 CLJ 873 bagi menyingkir pelikudasi-pelikudasi (*liquidators*).

[20] Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, defendan keempat berhujah bahawa R & M wajar disingkirkan dan digantikan dengan Amanah Raya Bhd atas dakwaan-dakwaan berikut:

(a) penyata akaun tidak pernah diluluskan sejak R & M dilantik oleh mahkamah pada 17 April 2009. Tidak diketahui jumlah wang yang telah digunakan dan untuk tujuan apa;

(b) R & M telah bertindak berat sebelah, tidak bebas dan bias.

Tindakan-tindakan R & M yang dikatakan sebagai berat sebelah tidak bebas dan bias adalah:

(i) R & M seorang pengarah dalam syarikat Folks Corporate Services Sdn Bhd yang telah menyediakan satu laporan tiga bulan sebelum dilantik bahawa terdapat penyelewengan dalam wang akaun amanah. Syarikat milik R & M telah dibayar untuk laporan tersebut dan ini menjadikan R & M sebagai pihak yang mempunyai kepentingan;

(ii) pihak yang sama telah dilantik sebagai auditor;

(iii) R & M telah memfailkan satu tuntutan terhadap defendan-defendan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam No 22NCVC-1512–09 Tahun 2011. R & M telah menjadi litigen dan bukan plaintif-plaintif yang sepatutnya memfailkan tuntutan tersebut;

(iv) R & M telah memfailkan afidavit-afidavit;

(v) R & M telah memfailkan report-report di mahkamah;

(vi) R & M telah melantik Puan Renu Zachariah sebagai peguam dengan mengetahui bahawa Puan Renu Zachariah adalah rakan kepada peguam plaintif-plaintif;

(vii) R & M telah membuat bayaran RM60,000 kepada peguam plaintif-plaintif yang meragukan;

(viii) R & M akan menjadi saksi dalam tuntutan ini;

(ix) tiada afidavit memperakukan mengenai keupayaan dan kesesuaian R & M sebelum dilantik;

(x) R & M telah membuat bayaran kepada Folks Corporate Services Sdn Bhd dengan tanpa kebenaran mahkamah ini;

(xi) R & M telah melakukan salah laku;

(xii) R & M gagal membuat bayaran kepada benefisiari seramai 242 orang dan hanya membayar kepada 52 orang sahaja;

(xiii) R & M telah membuat bayaran kepada seorang yang bukan benefisiari;

(xiv) R & M telah menerima bayaran untuk diri sendiri satu jumlah yang berlebihan;

(xv) R & M telah menurunkan kuasa sebagai R & M kepada Folks Corporate Services Sdn Bhd;

(xvi) R & M telah mengeluarkan RM5 juta dalam simpanan di Amanah

Raya Bhd yang memberikan pulangan yang lebih menarik dalam RHB Bank dan Public Bank; dan

(xvii) R & M telah dilantik dengan tanpa memberikan sebarang jaminan (*security*).

HUJAHAN DEFENDAN PERTAMA

[21] Encik Ravi G, peguam bagi defendan pertama berhujah bahawa R & M dan Puan Renu Zachariah tidak ada *locus* untuk hadiri di mahkamah memandangkan kebenaran telah diberikan oleh mahkamah untuk memulakan tindakan pengkomitan terhadap mereka kerana telah 'contempt of court'. Sehingga kini mereka masih belum memohon maaf (*purge*) daripada mahkamah.

[22] Encik Ravi G juga berhujah bahawa perlantikan Encik Ng Eng Kiat sebagai R & M adalah untuk menguruskan (*manage*) dan bukan bertujuan untuk mendapatkan semula (*recover*) wang akaun Amanah Orang Asli tersebut. Oleh itu R & M telah bertindak di luar bidang kuasa apabila memfailkan satu tindakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap defendan-defendan untuk mendapatkan semula wang amanah tersebut.

[23] Selain daripada itu, Encik Ravi G mengulangi dakwaan-dakwaan yang sama yang dibuat oleh defendan keempat terhadap R & M, iaitu:

(a) akaun tidak diluluskan;

(b) tiada kelulusan mahkamah untuk bertindak di luar bidang kuasa;

(c) Tiada hak R & M untuk melantik peguam;

(d) Encik Ng Eng Kiat akan jadi saksi; dan

(e) kes di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur tidak patut difailkan.

HUJAHAN PEGUAM PLAINTIF-PLAINTIF

[24] Encik G Ragumaren berhujah bahawa permohonan defendan pertama dan defendan keempat di sini telah dibuat selepas pihak R & M memperolehi perintah dalam kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang mengancam kedudukan defendan pertama dan defendan keempat sendiri. Selain itu semua dakwaan yang dilemparkan oleh defendan pertama dan defendan keempat terhadap R & M adalah tidak benar belaka dan dibuat semata-mata untuk

menutup segala tindakan salah laku dan pecah amanah yang telah dilakukan oleh defendan pertama dan defendan keempat terhadap wang tabung amanah yang diuruskan oleh mereka.

[25] Encik G Ragumaren turut membangkitkan isu mengenai permohonan defendan pertama dan defendan keempat di sini yang telah dibuat dengan tanpa kebenaran mahkamah memandangkan permohonan mereka telah mengganggu tugas R & M yang telah dilantik oleh mahkamah secara sah. Defendan pertama sebelum ini telah didapati salah dan didenda RM15,000 kerana telah mengambil tindakan terhadap R & M sebelum ini dengan tanpa kebenaran mahkamah. Peguam juga turut menimbulkan isu res judicata di mana isu-isu yang diadu oleh mereka termasuk aduan dakwaan terhadap R & M telah pun didengar oleh Mahkamah Rayuan dan telah ditolak pada 30 November 2011.

[26] Peguam plaintif-plaintif juga berhujah bahawa Amanah Raya Bhd yang dicadangkan oleh peguam defendan pertama dan defendan keempat untuk menggantikan Encik Ng Eng Kiat sebagai R & M tidak boleh dilantik sebagai R & M di bawah s 182 Akta Syarikat 1965 oleh kerana ARB bukanlah suatu 'orang yang layak untuk menjadi Penerima dan Pengurus'.

[27] Peguam plaintif-plaintif juga berhujah bahawa defendan pertama dan defendan keempat tidak layak untuk membuat permohonan ini atas alasan-alasan berikut:

(a) defendan pertama adalah bekas pemegang amanah untuk Amanah Orang Asli (Jakun) Linggui Valley;

(b) defendan pertama bukanlah seorang benefisiari, s 60 Akta Pemegang Amanah 1949 mengatakan seperti berikut:

> 60
>
> (1) An order under this Act for the appointment of a new trustee or concerning any interest in land, stock, or thing in action subject to a trust may be made on the application of *any person beneficially interested* in the land, stock, or thing in action, whether under disability or not, or on the application of any person duly appointed trustee therof.
>
> (2) An order under this Act concerning any interest in land, stock, or thing in action subject to a charge may be made on the application of *any person beneficially interested* in the property charged, whether under disability or not, or of any person interested in the money secured by the charge.

(c) Defendan pertama telah pun didapati bersalah dalam suatu kes jenayah untuk penipuan *fraud* dan *forgery* pada 30 April 2011. Walaupun beliau

telah pun mendapat suatu perintah untuk penggantungan (*stay*) sehingga rayuan didengar, mahkamah telah menaikkan wang jaminan (*bail*) dari RM200,000 ke RM400,000;

(d) mengikut laporan-laporan penerima dan pengurus, defendan pertama tidak mentadbir atau mengurus amanah tersebut dengan betul (laporan 6–9) (RM2.7 juta tidak diakaunkan); dan

(e) defendan pertama juga telah menggunakan RM16.5 juta daripada wang pampasan sebagai yurannya yang sangat melampau dan juga telah membayar RM2.2 juta kepada seorang yang bernama Hamzah Tahir sebagai 'commission'. Ini adalah bercanggah dengan k 51 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978.

[28] Peguam plaintif-plaintif seterusnya berhujah bahawa defendan pertama dan defendan keempat gagal menunjukkan R & M telah memungkiri tugasnya atau telah berkelakuan tidak betul (*breach of duty or improper conduct*). Sebaliknya dihujahkan bahawa defendan pertama dan defendan kedua sebagai pemegang amanah kepada tabung amanah bagi orang asli yang telah gagal untuk menguruskan tabung itu dengan sempurna dan telah melakukan pecah amanah.

HUJAHAN R & M

[29] Atas keizinan mahkamah ini walaupun dibantah oleh peguam defendan pertama dan juga bantahan oleh defendan keempat, peguam R & M Puan Renu Zachariah telah dibenarkan untuk berhujah bagi menafikan tohmahan yang dilemparkan terhadap R & M. Secara ringkasnya hujahan Puan Renu Zachariah adalah bahawa segala tohmahan terhadap R & M adalah tidak berasas. Apa yang berlaku sebenarnya adalah R & M yang telah dilantik oleh mahkamah dan sebagai 'officer of the court' telah menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang diberikan oleh mahkamah ini dalam perintah yang bertarikh 11 September 2009. R & M mempunyai kuasa untuk membawa tuntutan terhadap defendan-defendan atau mana-mana pihak bagi mendapatkan semula wang tabung amanah tanpa perlu mendapat kebenaran mahkamah.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[30] Pelantikan Encik Ng Eng Kiat sebagai R & M telah dibuat selepas pendengaran inter partes pada 11 September 2009. Pihak defendan-defendan telah menimbulkan sebahagian isu-isu yang sama dalam membantah permohonan perlantikan Encik Ng Eng Kiat sebagai R & M dalam presiding terdahulu. Isu-isu tersebut telah ditolak oleh mahkamah dan rayuan defendan-defendan ke Mahkamah Rayuan turut ditolak.

[31] Tohmahan salah laku Encik Ng Eng Kiat berkait rapat dengan apa yang boleh dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh beliau. Untuk itu adalah lebih baik perintah mahkamah ini yang diberikan oleh YA Tuan Vernon Ong Lam Kiat pada 11 September 2009 diperturunkan sepenuhnya di sini:

DI HADAPAN YANG ARIF TUAN VERNON ONG LAM KIAT

PESURUHJAYA KEHAKIMAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA

JOHOR BAHRU

DALAM KAMAR

11HB SEPTEMBER. 2009

PERINTAH INTER PARTES

(Lampiran 6)

ATAS PERMOHONAN Plaintif-Plaintif yangt dinamakan di atas **DAN SETELAH MEMBACA** Saman Dalam Kamar [Ex-Parte] bertarikh 25 haribulan Mac 2009 (Lampiran 6), Afidavit Sokongan Saling bin Lau Bee Chiang yang diikrarkan pada 23 haribulan Mac 2009, Afidavit Tambahan Saling bin Lau Bee Chiang yang diikrarkan pada 17 haribulan April 2009, Afidavit (3) Saling bin Lau Bee Chiang yang diikrarkan pada 5 haribulan Mei 2009, Afidavit Ng Eng Kiat yang diikrarkan pada 4 haribulan Mei 2009, Afidavit (1) Kanawagi a/l Seperumaniam yang diikrarkan pada 30 haribulan April 2009, Afidavit (2) Kanawagi a/l Seperumaniam yang diikrarkan pada 30 haribulan April 2009, Afidavit (3) Kanawagi a/l Seperumaniam yang diikrarkan pada 30 haribulan April 2009, Afidavit (4) Kanawagi a/l Seperumaniam yang diikrarkan pada 30 haribulan April 2009, Afidaviti (5) Kanawagi a/l Seperumaniam yang diikrarkan pada 30 haribulan April 2009, Afidavit Adong bin Kuwau dan Daud a/l Kadir yang diikrarkan pada 4 haribulan Mei 2009, Afidavit (4) Saling yang diikrarkan pada 22 haribulan Mei 2009, Afidavit (5) Saling yang diikrarkan pada 29 haribulan Mei 2009, Afidavit Ng Eng Kiat (R & M) (1) yang diikrarkan pada 4 haribulan Mei 2009, Afidavit Norhaslinda binti Ahmad yang diikrarkan pada 1 haribulan June 2009, Afidavit Ng Eng Kiat (R & M) (2) yang diikrarkan pada 1 haribulan June 2009, Afidavit Ng Eng Kiat (R & M) (4) yang diikrarkan pada 28 haribulan Julai 2009, Afidavit Ng Eng Kiat (R & M) (5) yang diikrarkan pada 10 haribulan Ogos 2009, Afidavit Ng Eng Kiat (R & M) (6) yang diikrarkan pada 28 haribulan Ogos 2009, Afidavit Jawapan Kanawagi yang diikrarkan pada 13 haribulan Ogos 2009, Afidavit (6) Saling yang diikrarkan pada 1 haribulan September 2009, Afidavit Balasan Kanawagi a/l Seperumaniam yang diikrarkan pada 5 haribulan September 2009, Nota Hujahan Bertulis Plaintif-Plaintif [Perlantikan Penerima dan Pengurus] bersama-sama Ikatan Otoriti Plaintif-Plaintif, Rangka Hujahan Bertulis Plaintif-Plaintif [Perbicaraan Inter Partes Lampiran 6, 7 dan Penepian Perintah-Perintah Ex-Parte oleh Defendan-Defendan Lampiran 15] bertarikh 7 haribulan September 2009 bersama-sama Otoriti, Rangka Hujahan Bertulis Kounsel Defendan-Defendan bertarikh 5 haribulan March 2009 dan 7 haribulan September 2009 bersama-sama Ikatan Otoriti, Nota Hujahan Plaintif-Plaintif [Laches] bertarikh 9 haribulan

September 2009 bersama-sama Ikatan Otoriti dan Nota Hujahan Defendan-Defendan bertarikh 9 haribulan September 2009, yang kesemuanya difailkan di sini. **DAN SETELAH MENDENGAR** Encik Christoper Leong bersamanya Cik Shamala Balasundaram dan Encik Ragumaren Gopal, peguam bagi pihak Plaintif-Plaintif, Encik Malik Imtiaz Sarwan bersamanya Encik Riza Makzan, peguam bagi pihak Defendan-Defendan dan dalam kehadiran Puan Renu Zechariah, peguam bagi pihak Penerima dan Pengurus pada 7 haribulan September 2009 dan ditetapkan untuk Keputusan pada hari ini,

MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Lampiran 6 dibenarkan dengan kos sehingga pelupusan prosiding-prosiding dalam tindakan ini bahawa:

(1) Bahawa ENCIK NG ENG KIAT [K.P. No: 531016-10-5919] [Lesen Penyelesai No. 1064/10/09(J/PH)] dari Folks Corporate Services Sdn Bhd, Bilik 1102, Tingkat 11, Wisma Tun Sambanthan, No. 2, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur dilantik, tanpa memberikan notis jaminan, sebagai Penerima dan Pengurus untuk menerima dan mengurus aset-aset berkenaan, dalam apa jua bentuk yang ianya terdapat, yang membentuk Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan jumlah yang diawad dalam Guaman Mahkamah Tinggi Johor Bahru Saman Pemula No. 24-828-1994 sepertimana yang diubah oleh Perintah Mahkamah Rayuan dalam Rayuan Sivil No. J-01-65-1997 dan faedah yang terakru ke atasnya ('Jumlah Wang Penghakiman berkenaan'), sehingga Penghakiman dalam prosiding-prosiding ini atau sehingga Perintah selanjutnya oleh Mahkamah Mulia ini. Jumlah Wang Penghakiman atau sebahagian darinya yang belum lagi membentuk sebahagian dari Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley akan dianggap sebagai membentuk sebahagian dari Amanah itu,

(2) Bahawa Pengurus dan Penerima yang dilantik akan mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas sebagaimana yang dibentangkan dalam Jadual 1,

(3) Bahawa Defendan-Defendan Pertama, Ke-2, Ke-3 dan Ke-4 sama ada oleh diri mereka sendiri, peguamcara mereka, jurubank, ejen-ejen, pekerja-pekerja mereka atau sebaliknya dihendaki, berikutan penyampaian Perintah ini ke atasnya untuk dengan serta merta:

(a) menyerahkan kepada Penerima dan Pengurus milikkan, jagaan dan kawalan akan kesemua aset-aset, hartanah, kesan perniagaan, wang, syer-syer, pilihan dalam tindakan, resit-resit simpanan tetap, buku-buku pas bank, sijil-sijil syer dan lain-lain sijil, perjanjian-perjanjian, sekurit-sekuriti, surat-surat cara, hak-hak milik, buku-buku, cakera-cekera padat, program-program, dokumen-dokumen, kewangan dan lain-lain rekod, lejar dan lain-lain rekod dan kertas-kertas dalam yang mana Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley mempunyai apa jua kepentingan;

(b) mendedahkan kepada Penerima dan Pengurus, secara bertulis, lokasi khusus akan kesemua aset-aset yang terdiri daripada Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan Jumlah Wang Penghakiman; dan

(c) membenarkan dan memberikan kepada Penerima dan Pengurus dan

ejen-ejen serta pekerja-pekerja beliau akses serta-merta dan yang sepenuhnya dan kunci-kunci kepada semua premis di mana perniagaan, operasi dan aktiviti-aktiviti Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dijalankan atau dikendalikan atau di mana aset-aset, hartanah dan rekod-rekod Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley disimpan atau ditempatkan.

(4) Penerima dan Pengurus sama ada oleh dirinya atau ejen-ejen dan pekerja-pekerjanya diberi kebebasan dan kebenaran untuk melakukan semua perbuatan dan tindakan yang perlu bagi tujuan yang dihuraikan di atas dan tanpa prejudis kepada sifat umum yang tersebut di atas, diberikan hak untuk memasuki mana-mana premis yang dirujuk dalam Perenggan 3 (c) di atas.

(5) Bahawa Defendan Pertama, Ke-2, Ke-3 dan Ke-4 sama ada oleh diri mereka sendiri, peguamcara mereka, jurubank, ejen-ejen pekerja-pekerja mereka atau sebaliknya dihendaki, dalam tempoh *DUA (2) HARI* selepas penyampaian Perintah ini untuk menyerahkan dan mengakibatkan untuk diserahkan kepada Penerima dan Pengurus selepas peyampaian Perintah ini ke atas mereka:

(a) satu Penyata Hal-Ehwal berhubung kedudukan kewangan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley sebagaimana pada tarikh Perintah ini;

(b) satu senarai yang sepenuhnya akan benefisiari Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley;

(c) butir-butir penuh akan semua bayaran yang dibuat kepada benefisiari-benefisiari dari tarikh permulaan terbentuknya Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley hingga ke tarikh perlantikan Penerima dan Pengurus;

(d) butir-butir terperinci mengenai wang sejumlah RM16,554,111.92 (yang menjadi sebahagian daripada Jumlah Penghakiman) yang diterima oleh Defendan Ke-4 dalam bulan Julai 2000, satu akaun yang sepenuhnya akan pendapatan dan perbelanjaan yang berbangkit daripadanya dan baki yang dipegang oleh Defendan Ke-4, sekiranya ada, sebagaimana pada tarikh perlantikan Penerima dan Pengurus;

(e) butir-butir penuh akan jumlah wang sebanyak RM2,716,920.00 yang diagihkan kononnya melalui Tok Batin sejak bermulanya Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley hingga 31/12/2006.

(6) Penerima dan Pengurus dihendaki mengemukakan satu akaun mengenai penerimaan serta bayaran-bayarannya berhubung dengan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley selang setiap enam [6] bulan dari tarikh Perintah berkenaan, melalui satu afidavit yang difailkan dalam prosiding-prosiding ini dengan salinan-salinannya yang perlu disampaikan ke atas peguamcara Plaintif,

(7) Upah/bayaran yang kena dibayar kepada Pemegang-Pemegang Amanah untuk Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley selaras dengan

Suratikatan Amanah bertarikh 5/6/2000 ('Suratikatan Amanah') diberhentikan sehingga Perintah Mahkamah ini yang selanjutnya,

(8) Bahawa kuasa-kuasa Pemegang-Pemegang Amanah selaras dengan Suratikatan Amanah berkenaan digantung sehingga Perintah selanjutnya oleh Mahkamah ini,

(9) Bahawa Penerima dan Pengurus dan kakitangannya dibayar upah berasaskan masa yang digunakan oleh mereka untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka sebagai Penerima dan Pengurus pada caj biasa yang dikenakan oleh mereka dan bahawa upah sedemikian hendaklah dibayar daripada aset-aset Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley, Penerima dan Pengurus adalah dengan ini diberi kuasa untuk membuat bayaran bagi diri mereka sendiri berkenaan dengan amaun yang dibil dalam tempoh tujuh hari Penerima dan Pengurus menyerah-simpan satu salinan daripada bil atau invoisnya dengan Mahkamah Mulia ini,

(10) Bahawa Penerima dan Pengurus berkenaan hendaklah ditanggung rugi bagi semua fee, caj-caj, kos dan perbelanjaan, termasuk upah beliau yang kena dibayar atau yang berbangkit atau yang ditanggung atau yang terhutang akibat daripada beliau bertindak sebagai Penerima dan Pengurus daripada aset-aset Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley,

(11) Bahawa Penerima dan Pengurus diberi kebebasan untuk memohon arahan-arahan Mahkamah berhubung dengan apa-apa isu yang berbangkit daripada perlantikan mereka,

(12) Kos bagi permohonan ini adalah kos dalam kausa.

Bertarikh 11hb. Septermber, 2009

t.t.

Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi

Johor Bahru.

JADUAL 1

(1) Untuk membuat siasatan dan mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk mengenalpasti kesemua aset-aset yang membentuk Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan Jumlah Wang Penghakiman berkenaan serta lokasi aset-aset sedemikian.

(2) Untuk mengambil milikan, kuasa, jagaan, berurusniaga dengan dan memasuki, memungut, menerima dan menyimpan semua aset-aset termasuk harta-harta boleh alih dan tak boleh alih, sekuriti-sekuriti, wang, dokumen-dokumen hak milik dan lain-lain surat cara, sijil-sijil, buku-buku, dokumen-dokumen, rekod-rekod kewangan dan lain-lain rekod, kesan-kesan perniagaan, keuntungan, pendapatan, hutang yang terhutang dan kena dibayar dan lain-lain aset yang terdiri daripada Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan Jumlah Wang Penghakiman, walau apa cara pun dibentuk dan walau mana pun ianya bertempat.

(3) Untuk mengambil alih dan melaksanakan semua kuasa, autoriti dan budi bicara Pemegang-Pemegang Amanah, di bawah Suratikatan Amanah berkenaan atau undang-undang yang lain, termasuk akan tetapi tidak terhad kepada kuasa-kuasa sedemikian sebagaimana yang dibentangkan dalam Fasal 7.3 Surat cara Amanah.

(4) Untuk menguruskan dan melaksanakan matlamat dengan tujuan Amanah berkenaan sebagaimana yang dibentangkan dalam Surat cara Amanah dan terutamanya untuk membayar jumlah wang sebanyak RM900.00, daripada pendapatan Amanah berkenaan dan sekiranya pendapatan berkenaan tidak mencukupi, daripada modal, kepada setiap seorang benefisiari Amanah berkenaan pada dasar bulanan dengan tertakluk kepada perubahan melalui Perintah Mahkamah.

(5) Untuk melaksanakan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Penerima dan Pengurus, apa-apa kerja berhubung dengan aset-aset dan hartanah Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan secara umumnya melaksanakan semua perkara lain sebagaimana yang dianggap perlu bagi pelangsaiannya.

(6) Untuk berurus-niaga dan menjual melalui pelelongan awam, tender awam atau triti persendirian, menyewa, memajak atau sebaliknya menyerahhak, melupuskan semua aset-aset, hartanah-hartanah, yang boleh alih atau tak boleh alih, sekuriti-sekuriti dan kesan perniagaaan dan kepentingan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley, dengan kuasa untuk memindah-milik dan memberi keseluruhan atau sebahagian darinya.

(7) Untuk menerima pindah-milik hartanah, yang boleh alih atau tak boleh alih, bertanah atau sebaliknya, untuk dan bagi pihak Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan bagi semua tujuan sedemikian untuk menandatangani dan menyempurnakan semua memorandum pindah-milik dan lain-lain surat cara yang berkaitan dengannya.

(8) Untuk memberikan, menyewa dan mengambil kerja orang atau orang sedemikian sebagai pengurus-pengurus, ejen-ejen, pegawai-pegawai, pekerja atau kakitangan sama ada di Malaysia atau di lain-lain tempat bagi tujuan yang dinyatakan di sini, pada gaji serta tempoh sedemikiannya sebagaimana yang akan ditentukan oleh Penerima dan Pengurus.

(9) Untuk menamatkan, sekiranya perlu, pekerjaan mana-mana pengurus, ejen, pegawai, pekerja atau kakitangan yang dilantik sedemikiannya oleh Penerima dan Pengurus.

(10) Untuk melantik orang-orang yang berkelayakan profesional, termasuk akan tetapi tidak terhad kepada, peguamcara dan akauntan-akauntan sebagaimana yang dianggap perlu untuk membantu Penerima dan Pengurus melaksanakan tugas-tugas beliau seperti yang dinyatakan di sini.

(11) Untuk membeli dan menanggung apa jua perbelanjaan bagi barangan dan perkhidmatan dan membuat bayaran yang perlu atau yang bersampingan kepada pelaksanaan fungsi-fungsi Penerima dan Pengurus di sini,

termasuk semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung dengan sewajarnya oleh Penerima dan Pengurus, daripada aset-aset Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley.

(12) Untuk mendapatkan dan/atau meminjam wang sebagaimana yang dianggap perlu bagi memenuhi dan melaksanakan kuasa-kuasa dan tanggungjawab Penerima dan Pengurus dan untuk memberikan jaminan ke atas hartanah-hartanah dan asset-aset Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley, di mana pinjaman sedemikian diberi keutamaan ke atas semua pemiutang-pemiutang lain, sama ada yang bercagar, diutamakan dan/atau tidak bercagar, berkenaan dengan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley.

(13) Untuk merangka, menerima, membuat dan mengendors apa-apa bil pertukaran dan/atau nota janji hutang atas nama dan bagi pihak Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley.

(14) Untuk membuka, mengendalikan dan/atau menutup akaun atau akaun-akaun sedia ada atau yang akan datang dengan sesuatu bank atau bank-bank atau institusi kewangan dan untuk menerima dan membayar semua wang, bil-bil, invois dan nota-nota yang diterima ke dalam dan daripada bank, bank-bank atau institusi kewangan tersebut dan untuk membuat pengeluaran daripada akaun-akaun sedemikian bagi tujuan yang dianggap perlu dan bersampingan dengan pelaksanaan kuasa dan tugas Pengurus dan Penerima.

(15) Untuk mendapatkan kembali sepenuhnya atau membuat apa-apa kompromi atau urusan dengan penghutang-penghutang Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dalam menguatkuasakan pemerolehan semula hutang dalam buku Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley.

(16) Untuk menutup atau memberhentikan semua atau sebahagian daripada perniagaan, operasi dan aktiviti Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley sebagaimana yang dianggap perlu oleh Penerima dan Pengurus.

(17) Untuk membuat, menguatkuasakan dan mengendalikan satu perlindungan insurans berhubung dengan aset-aset perniagaan dan hartanah Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley.

(18) Untuk memberikan, menentukan atau mengubah apa-apa pajakan atau sewaan dan mengambil pajakan apa-apa hartanah yang diperlukan atau yang memudahkan untuk operasi atau aktiviti perniagaan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley.

(19) Untuk memulakan, meneruskan, membela atau sebaliknya mengambil bahagian dalam atau berkompromi apa jua prosiding undang-undang, termasuk kuasa untuk berkompromi atau memasuki pengaturan dengan pemiutang-pemiutang dan untuk membuat permohonan-permohonan yang sewajarnya kepada Mahkamah untuk menguatkuasakan atau melindungi hak-hak dan kepentingan Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley.

(20) Untuk meletakkan dan menuntut dalam kebankrapan, pembubaran, penyitaan atau penyelesaian mana-mana orang atau syarikat yang

terhutang kepada Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan menerima dividen-dividen dan untuk menyetujui terhadap surat-suratikatan amanah untuk pemiutang-pemiutang berkenaan dengan mana-mana orang yang sedemikian.

(21) Untuk menyiasat ke dalam hal-ehwal Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley dan untuk menyediakan satu laporan atau laporan-laporan berhubung dengan siasatan-siasatan berkenaan bagi tujuan menyerah-simpan laporan-laporan sedemikian dengan Mahkamah Mulai ini atau apa jua pihak berkuasa berkanun lain yang berkenaan.

(22) Melakukan semua tindakan dan melaksanakan atas nama dan bagi pihak Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley, apa-apa kontrak, suratikatan, surat cara, resit dan dokumen yang lain.

(23) Untuk melaksanakan semua perkara lain yang sedemikian rupa sebagaimana yang dianggap perlu dan yang bersampingan dengan pelaksanaan kuasa dan tanggungjawab Penerima dan Pengurus sebagaimana yang dinyatakan di sini.

[32] Jelas daripada Jadual 1 penghakiman tersebut di atas bahawa R & M dalam kes ini mempunyai kuasa-kuasa serta tanggungjawab bagi melaksanakan semua perkara yang perlu bagi pelangsaian Amanah Orang Asli (Jakun) Linggiu Valley. R & M juga mempunyai kuasa untuk melantik orang-orang yang berkelayakan professional termasuk peguam dan akauntan bagi membantu R & M melaksanakan tugas-tugasnya. R & M juga berupaya untuk memulakan, meneruskan, membela dan mengambil bahagian dalam apa juga prosiding termasuk memfailkan afidavit dan memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur No 22NCVC-1512–09 Tahun 2011 tersebut.

[33] Semua delegasi defendan pertama dan defendan keempat terhadap R & M turut dijawab oleh plaintif-plaintif dalam afidavit mereka di lampiran 438.

[34] Setelah meneliti dan membaca SDK yang difailkan oleh defendan pertama dan defendan kedua dan membaca semua afidavit serta hujahan bertulis yang difailkan bagi permohonan ini serta meneliti nas-nas, saya berpuas hati bahawa defendan pertama dan defendan keempat telah gagal untuk menunjukkan bahawa R & M yang dilantik oleh mahkamah telah melakukan salah laku dan gagal membuktikan R & M tidak berupaya untuk menjalankan tugas-tugas sebagai R & M. Sebaliknya mahkamah ini berpuas hati bahawa R & M telah melakukan tugas-tugas dengan sempurna menurut kuasa-kuasa yang telah diberikan oleh mahkamah ini. Oleh itu SDK di

lampiran 402 ditolak dengan kos. Kos hendaklah ditaksirkan dan dibayar dengan serta merta oleh defendan pertama dan defendan keempat kepada plaintif.

Permohonan defendan pertama dan defendan keempat ditolak dengan kos untuk ditaksir.

Dilaporkan oleh Mashrifah Ravendran